

## USUL TAFSIR AL-QURAN – SESI 2 – USUL NO 2 – TAFSIR AL-QURAN DENGAN HADITH YANG SAHIF



<https://youtu.be/Y-Zc-LKP1Q8>

VIDEO – [Durasi 1j 15m 40] – Sesi 2 – Usul No 2 – Tafsir Al-Quran Dengan Hadith Yang Sahih

## USUL TAFSIR AL-QURAN – USUL NO 2 – TAFSIR AL-QURAN DENGAN HADITH YANG SAHIF

### TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [00:00:20](#) : Pengenalan Usul Tafsir Al-Quran
- 2- [00:03:55](#) : Tafsir Al-Quran Dengan Hadith-Hadith Yang Sahih
- 3- [00:18:14](#) : Salah Satu Peranan Nabi s.a.w Ialah Mentafsirkan Al-Quran Dengan Menghuraikan Dan Menerangkan Maksud-maksudnya.
- 4- [00:20:26](#) : Allah Memerintahkan Nabi-Nya Muhammad Supaya Memutuskan Perkara Dan Menghukum Di Antara Manusia Dengan Berpandukan Al-Quran.
- 5- [00:29:27](#) : Banyak Sekali Perintah Allah Di Dalam Al-Quran Diberikan Secara "Ijmal" ( Secara Umum )
- 06- [00:35:25](#) : Peringatan – Apabila Mentafsirkan Al-Quran Hendaklah Mengelakkan Diri Daripada Menggunakan Hadith-hadith Dhaif Atau Maudhu'.
- 7- [00:42:05](#) : Hadith-hadith Tentang Kelebihan Setiap Surah Al-Quran Yang Dimasukkan Di Dalam Kitab-Kitab Tafsir Seperti Tafsir As-Sa'labi, Al-Wakidi, Al-Zamakhshari , Al-Baidhowi, Dan Lain-lain, Kebanyakannya Adalah Maudhu'.
- 8- [00:43:56](#) : Contoh Mentafsirkan Al-Quran Dengan Hadith-hadith Sahih
- 9- [00:52:10](#) : Berdasarkan Hadith Sahih Rangkai Kata "Sab'an Minal Masani" Bermaksud Surah Al-Fatihah
- 10- [01:03:29](#) : Hukum Orang Yang Simpan Emas Dan Perak
- 11- [01:07:12](#) : Hukum Tidak Boleh Berkahwin Dengan Emak Saudara Dan Begitu Juga Menghimpunkan (Berkahwin) Adik-beradik Di Dalam Satu Masa
- 12- [01:11:30](#) : Selingan – Perbezaan Di antara Hadith Dengan Sunnah

### NOTA KULIAH LENGKAP– MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

#### **NOTA USUL TAFSIR – SESI 2 – Ringkasan Usul Tafsir al-Quran – Usul 1 hingga 6**

[ <https://raudhahguranschool.files.wordpress.com/2020/06/nota-1-tafsir-al-quran-1-13-usul-1-6.pdf> ]

## **NOTA RINGKAS**

### USUL ke 2 – TAFSIR AL-QURAN DENGAN HADITH-HADITH SAHIH

Usul kedua ialah mentafsir al-Qur'an dengan hadiths-hadiths sahih. Tafsir al-Qur'an dengan hadiths-hadiths sahih bererti mentafsirnya dengan wahyu. Dalam usaha memahami dan memahamkan al-Qur'an ia merupakan sumber kedua dari langit.

Hadiths-hadiths Rasulullah s.a.w sama ada berupa ucapan, perbuatan atau pengesahan Baginda yang sampai kepada kita menerusi rantaian (sanad) perawi-perawi yang dipercayai dan boleh dijadikan hujah di sisi para ulama hadith merupakan saluran kedua yang harus diikuti dan dijadikan pegangan dalam pemahaman al-Qur'an. Ini kerana ia juga merupakan sumber mu'tabar kepada umat.

Menurut Ahli as-Sunnah Wa al-Jama'ah, tafsiran al-Qur'an yang bercanggah dengan hadiths-hadiths yang sahih dan tidak mansukh adalah satu bentuk tahrif (penyelewengan ma'na) al-Qur'an.

Tafsir al-Qur'an dengan hadiths-hadiths yang sahih juga perlu kerana beberapa sebab berikut :

(a) Salah satu peranan dan kerja Nabi s.a.w ialah mentafsir al-Qur'an dengan menghurai dan menerangkan maksud-maksudnya.

(b) Allah memerintahkan Nabinya Muhamad s.a.w. supaya memutuskan perkara dan menghukum antara manusia dengan berpandukan al-Qur'an.

(c) Al-Qur'an sampai kepada kita (umat) menerusi Nabi s.a.w.

(d) Banyak sekali perintah Allah di dalam al-Qur'an diberikan secara ijmal (umum). Hadiths-hadiths Rasulullah yang mentafshilkannya (memperincikannya). Seperti perintah bersembahyang, memberi zakat, memotong tangan pencuri dan lain-lain.

(a) Perkataan "zalim" biasanya memberi erti kezaliman atau ketidakadilan. Tetapi di dalam al-Qur'an ia dipakai juga dengan erti yang lain.

(b) Berdasarkan hadith sahih, rangkai kata yang tersebut di dalam firman Allah di dalam Surah al-Hijr